



KEJOHANAN PING PONG REMAJA & KADET MALAYSIA MILO KALI KE-44, TAHUN 2026

PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN

1. **Nama Kejohanan:** Kejohanan Ping Pong Remaja dan Kadet Malaysia MILO Kali Ke-44.
2. **Tarikh Kejohanan:** 16 – 20 September 2026
3. **Tempat Kejohanan:** Dewan Maksak, Jalan Istiadat, Teluk Likas, Kota Kinabalu Sabah
4. **Tujuan:**
 - 4.1. Mencungkil bakat baru dan mempertingkatkan lagi mutu sukan ping pong.
 - 4.2. Menyediakan pemain-pemain pelapis negara.
 - 4.3. Memperluaskan serta menggalakkan penyertaan dalam sukan ping pong daripada pemain-pemain berbilang kaum.
5. **Syarat Pertandingan:**
 - 5.1. Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Kejohanan ini.
 - 5.2. Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF yang terkini.
6. **Acara:**

<u>Acara</u>	<u>Setiap Negeri</u>
6.1. Berpasukan lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.2. Berpasukan perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.3. Berpasukan lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.4. Berpasukan perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.5. Perseorangan lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.6. Perseorangan perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.7. Perseorangan Lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.8. Perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.9. Beregu Lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.10. Beregu Perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.11. Beregu Lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.12. Beregu Perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.13. Untuk acara perseorangan dan beregu, negeri pengelola dibenarkan menyertai maksima 2 (dua) kali ganda lebih bilangan peserta yang dibenarkan bagi setiap negeri.	
7. **Pendaftaran Pemain:**
 - 7.1. Warganegara Malaysia dan Pemastautin tetap sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
 - 7.2. Seseorang pemain hanya boleh mewakili satu negeri/wilayah sahaja
 - 7.3. Tarikh lahir adalah seperti berikut:
 - 7.3.1. Umur 19 tahun dan ke bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2007**.
 - 7.3.2. Umur 15 tahun dan ke bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2011**.

- 7.4. Tarikh lahir yang sah bagi pemain adalah mengikut Kad Pengenalan. Satu salinan fotostat Kad Pengenalan yang disahkan oleh persatuan negeri hendaklah dihantar bersama dengan Borang Penyertaan kepada negeri pengelola.
- 7.5. Pemain-pemain dikehendaki membawa Kad Pengenalan masing-masing untuk disemak oleh negeri pengelola.
- 7.6. Seorang pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam satu kumpulan umur sahaja untuk setiap Kategori Acara iaitu Kategori Acara Berpasukan dan Kategori Acara Individu (acara perseorangan dan acara beregu).
- 7.7. Setiap negeri boleh mendaftarkan **TUJUH (7)** orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan untuk dihantarkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh tutup. **LIMA (5)** orang pemain sahaja akan dikenalpasti dalam Mesyuarat Pengurus untuk bertanding dalam Acara Berpasukan. Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam acara individu hendaklah terdiri daripada 7 orang pemain yang didaftarkan.
- 7.8. Senarai pemain akan dipaparkan di dalam laman web TTAM selepas tarikh tutup pendaftaran. Sebarang bantahan terhadap kelayakan mana-mana pemain, jika ada, hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Teknikal TTAM dalam **TEMPOH MASA SATU MINGGU** dari tarikh mula senarai nama dipaparkan, untuk disemak dan diputuskan kelayakan pemain tersebut.

8. Cara Pertandingan:

8.1. Acara Berpasukan:

- 8.1.1. Mengikut Sistem Baru Piala Swaythling (A – X; B – Y; C – Z; A – Y; B – X)
- 8.1.2. Jika terdapat 12 atau lebih pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 4 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.3. Jika terdapat 9 hingga 11 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 3 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.4. Jika terdapat 6 hingga 8 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 2 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.5. Jika terdapat 4 hingga 5 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan bertanding dalam satu kumpulan di mana sistem liga akan digunakan.
- 8.1.6. Jika terdapat kurang daripada 4 pasukan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.
- 8.1.7. Setiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)

8.2. Acara Individu:

- 8.2.1. Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 8.2.2. Bagi pertandingan beregu, semua perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games).
- 8.2.3. Bagi pertandingan perseorangan, perlawanan dari pusingan pertama hingga pusingan suku akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games). Perlawanan di peringkat **separuh akhir** dan **Akhir** akan diputuskan dengan 4 permainan terbaik daripada 7 permainan (**Best of 7 games**).
- 8.2.4. Jika terdapat kurang daripada 8 orang peserta / 8 pasangan beregu yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.

9. **Bola:** Bola Ping Pong 40+ Nittaku 3-Bintang berwarna putih akan digunakan dalam kejohanan ini.

10. Hadiah:

- 10.1. Bagi Acara Berpasukan dan Acara Individu, hadiah akan diberi kepada pemenang Johan, Naib Johan dan 2 Tempat Ketiga.
- 10.2. Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion) ditentukan mengikut Sistem Pemarkahan yang ditetapkan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti berikut:

Kedudukan	Acara Berpasukan	Acara Individu
Johan	10 markah	5 markah
Naib Johan	7 markah	3 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah

- 10.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk membekalkan satu trofi untuk Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion).
- 10.4 Sekiranya berlaku persamaan markah antara pasukan, maka jumlah bilangan pingat emas terbanyak akan menjadi penentu.
- 10.5 Sekiranya berlaku persamaan markah dan jumlah pingat emas antara pasukan, maka jumlah bilangan pingat perak yang dimenangi akan menjadi penentu.
- 10.6 Sekiranya berlaku persamaan markah, jumlah pingat emas dan jumlah pingat perak antara pasukan, maka jumlah bilangan pingat gangsa yang dimenangi akan menjadi penentu.

11. Hospitaliti:

- 11.1. Setiap pasukan negeri/wilayah akan bertanggungjawab atas perbelanjaan penginapan pasukan negeri/wilayah masing-masing. Pihak negeri pengelola akan membantu negeri/wilayah untuk membuat tempahan tempat penginapan jika perlu.
- 11.2. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan yang sesuai untuk pengadil-pengadil dari negeri-negeri lain. (maksimum 2 orang setiap bilik dengan katil berkembar (twin sharing)).
- 11.3. Hospitaliti untuk pengadil:
 - 11.3.1 bermula dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi sehari selepas hari terakhir pertandingan.
 - 11.3.2 sarapan pagi mesti disediakan jika tidak ada kedai makanan yang beroperasi dalam jarak berjalan kaki dari penginapan.
- 11.4. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan di hotel untuk Pegawai TTAM, Delegasi Teknik, AJK Teknikal dan Refri & Pengadil (TURC), TTAM.

12. Bayaran Penyertaan :

- 12.1. Acara Berpasukan : RM 50.00 setiap pasukan
- 12.2. Acara Perseorangan : RM 8.00 setiap peserta
- 12.3. Acara Beregu : RM 15.00 setiap pasangan

13. Cara Penyertaan :

- 13.1. Semua negeri yang ingin menyertai kejohanan ini dikehendaki mengembalikan Borang Penyertaan/Pendaftaran (Borang A, B, C, D, E, F) yang dikepilkan ini **MELALUI EMAIL SAHAJA** pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan dalam peraturan 14.

Setiausaha Kehormat,
Persatuan Ping Pong Negeri Sabah
Email: sttasabah@gmail.com
H/P: 016-8428421

- 13.2. Satu salinan Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain hendaklah dihantar kepada:

Persatuan Ping Pong Malaysia
E-mail: ttammalaysia@gmail.com
Tel: 03-89961497

14. Tarikh Tutup Penyertaan:

- 14.1. Tarikh tutup Penyertaan (**Borang A**) adalah pada **21 Julai 2026**.
- 14.2. Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **Acara Berpasukan (Borang B)** adalah pada **21 Julai 2026**.
- 14.3. Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **Acara Individu (Borang C dan D)** dan **Borang Maklumat (Borang E dan F)** adalah pada **4 Ogos 2026**.
- 14.4. **Tarikh akhir Pengesahan** pemain untuk Acara Individu adalah pada **4 Ogos 2026**. Selepas tarikh ini, sebarang pertukaran untuk Acara Individu akan dikenakan bayaran denda seperti ternyata di Peraturan 16.
- 14.5. Borang-borang Penyertaan/Pendaftaran yang diterima lewat daripada tarikh-tarikh tersebut **TIDAK** akan dilayan. (**Keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 3 Ogos 2013.**)

15. Undi:

- 15.1. Undi bagi Acara Berpasukan akan diadakan pada **22 Ogos 2026 (Sabtu), jam 11.00 pagi** di Bilik Mesyuarat, Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 15.2. Jika Borang Pendaftaran (Borang B) tidak diterima pada atau sebelum **21 Julai 2026** maka negeri berkenaan tidak akan diundi untuk pertandingan.
- 15.3. Undi bagi Acara Berpasukan akan dikendalikan oleh Referi atau wakilnya. Negeri penganjur adalah bertanggungjawab atas segala perbelanjaan pengangkutan, penginapan serta elaun makan untuk Referi atau wakilnya.
- 15.4. Undi bagi acara perseorangan akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan. Masa dan tempat akan dimaklumkan kemudian.

16. Pertukaran Pemain:

- 16.1. Untuk acara berpasukan, pemindahan pemain dari satu kumpulan umur kepada kumpulan umur lain **TIDAK** dibenarkan selepas cabutan undi diadakan.
- 16.2. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum kejohanan dimulakan untuk menguruskan hal-hal pertukaran pemain. Selepas mesyuarat tersebut, sebarang permintaan pertukaran pemain **TIDAK** akan dilayan.
- 16.3. Pertukaran pemain untuk semua acara adalah dibenarkan dan penggantinya hendaklah daripada pemain-pemain yang telah didaftarkan sahaja.
- 16.4. Pemain-pemain yang telah didaftar hanya boleh diganti atas sebab-sebab yang munasabah beserta dengan dokumen yang sah. (Contohnya: sijil pengesahan doktor / surat penolakan cuti oleh majikan).
- 16.5. Pertukaran pemain untuk **Acara Perseorangan** adalah dibenarkan dengan **bayaran denda** seperti berikut:
 - 16.5.1. Pertukaran pemain yang pertama dalam Acara Perseorangan akan dikenakan bayaran denda RM50.00.
 - 16.5.2 Pertukaran pemain yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM100.00 setiap pemain.
- 16.6. Pertukaran pemain atau pasangan untuk **Acara Beregu** adalah dibenarkan dan dikenakan bayaran denda seperti berikut:
 - 16.6.1. Pertukaran pemain atau pasangan yang pertama dalam Acara Beregu akan dikenakan bayaran denda RM100.00.
 - 16.6.2 Pertukaran yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM150.00 setiap pertukaran.
 - 16.6.3 Pemindahan pemain antara 2 pasangan asal adalah dianggap sebagai satu pertukaran sahaja.
- 16.7. Penambahan pemain dalam semua acara selepas tarikh tutup pendaftaran pemain **TIDAK DIBENARKAN**.

17. Jawatankuasa Teknikal / Juri Rayuan:

- 17.1. Delegasi Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Ping Pong Malaysia untuk mengawal segala pengurusan dan susunan teknikal.
- 17.2. Panel Juri Rayuan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini.
- 17.3. Panel Juri Rayuan akan terdiri daripada ahli-ahli berikut:
 - a) Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya;
 - b) Setiausaha : Setiausaha Kehormat Negeri Pengelola atau wakilnya;
 - c) Ahli-Ahli : Referi Kejohanan
: Delegasi Teknikal / Pengurus Pertandingan
: Wakil dari 3 negeri yang tidak terlibat

18. Menarik Diri:

- 18.1. Pasukan / Pemain yang lewat 15 minit daripada masa yang telah dijadualkan akan dianggap sebagai memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pasukan / pemain lawannya.
- 18.2. Menarik diri (walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, mereka yang terlibat akan dianggap sebagai menarik diri daripada kejohanan secara keseluruhannya.
- 18.3. Semua keputusan pertandingan sebelum penarikan diri (walkover) akan dikira sebagai tidak sah dalam acara yang terlibat.

19. Bantahan / Rayuan:

- 19.1. Segala bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 30 minit selepas tamatnya perlawanan yang berkenaan melalui Pengurus Pasukan / Ketua Pasukan (acara berpasukan) atau pemain yang berkenaan (acara individu) secara bertulis dan disertakan dengan bayaran wang tunai RM 200.00 (Ringgit Malaysia Seratus sahaja) sebagai wang pertaruhan.
- 19.2. Jika bantahan atau rayuan didapati tidak berasas, wang pertaruhan tersebut tidak akan dikembalikan.

20. Pakaian:

- 20.1. Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna putih.
- 20.2. Warna pakaian dua pasukan/dua peserta/dua pasangan beregu yang bertanding, mestilah berlainan. Pasukan/pemain dinasihatkan sentiasa bersedia dengan dua helai baju permainan yang berlainan warna (cool and warm colour) untuk bertanding. **Rujuk dokumen TTAM "TT Playing Clothing Colours Directive (TTAM)_01112008"**.
- 20.3. Semua pemain diwajibkan memakai baju permainan berlengan pendek dan seluar pendek.
- 20.4. Pemain beragama Islam boleh dikecualikan dari klausa 20.3.
- 20.5. Pemain beragama Islam yang memilih dikecualikan dari klausa 20.3, wajib memakai seluar permainan panjang (track-bottom), dan panjangnya sampai ke buku lali.
- 20.6. Pemain-pemain dalam satu pasukan/pasangan mesti berpakaian seragam.

21. Pengadil:

- 21.1. Hanya pengadil-pengadil yang dilantik oleh persatuan negeri sahaja yang akan diterima oleh pihak pengelola untuk berkhidmat di kejohanan ini. Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Rasmi yang disediakan oleh URC Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 21.2. Berpandu kepada '**TTAM Directive On Selection Of Umpires: Policy & Procedural Guidelines For All TTAM Endorsed Competition/Tournaments**', setiap negeri yang mengambil bahagian adalah diwajibkan menghantar seorang pengadil yang bertaraf **SU, NUP, NU** atau **IU** sahaja untuk berkhidmat dalam kejohanan ini. Walau bagaimanapun, Negeri-negeri digalakkan untuk menghantar SU atau NU.
- 21.3. Pengadil yang dicalonkan hendaklah aktif dan berdaftar dengan **TURC**. Pengadil bertauliah SU mestilah berumur 16 tahun dan ke atas dan telah berdaftar dengan **TURC** serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 12 bulan sebagai pengadil bertauliah SU.
- 21.4. Negeri-negeri yang gagal menghantar pengadil yang bertauliah akan dikenakan denda. Bayaran denda dibuat kepada Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:

Semenanjung Malaysia : RM 500.00

Malaysia Timur : RM 300.00

- 21.5. Persatuan Negeri boleh memohon untuk menghantar lebih daripada seorang Pengadil Kebangsaan / Pengadil Antarabangsa untuk berkhidmat dalam kejohanan ini jika diterima oleh pihak negeri pengelola.
- 21.6. Jawatankuasa Pengelola akan membayar elaun kepada Delagasi Teknikal, Refri dan Pengadil mengikut kadar seperti berikut: (pindaan 2024)
- | | | |
|--------|---|--------------------|
| 21.5.1 | Delegasi Teknikal / Pengurus Pertandingan | : RM 120.00 sehari |
| 21.5.2 | Refri (IR/NR) | : RM 120.00 sehari |
| 21.5.3 | Timbalan Refri (IR/NR/IU) | : RM 110.00 sehari |
| 21.5.4 | Timbalan Refri (NU) | : RM 100.00 sehari |
| 21.5.5 | SUP (Pengadil Bertaraf Negeri Sedang Dinilai) | : RM 60.00 sehari |
| 21.5.6 | Pengadil Bertaraf Negeri (SU) | : RM 80.00 sehari |
| 21.5.7 | NUP (Pengadil Bertaraf Negeri Sedang Dinilai) | : RM 80.00 sehari |
| 21.5.8 | Pengadil Bertaraf Kebangsaan (NU) | : RM 90.00 sehari |
| 21.5.9 | Pengadil Bertaraf ITTF (IU) | : RM 100.00 sehari |
- 21.7. Tarikh Mesyuarat/Taklimat Pengadil Kejohanan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan. Semua pengadil adalah diwajibkan hadir, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak hadir.
- 21.8. Semua pengadil Peringkat Negeri (SU) yang akan berkhidmat di kejohanan ini dikehendaki menyertai Kursus Kepengadilan Taraf Kebangsaan (NU) yang akan diadakan dua hari sebelum tarikh Kejohanan, Pembayaran yuran kursus akan dikenakan mengikut pakej dan kadar seperti berikut:
- Pakej 1:** RM300.00 seorang – Untuk seorang SU sahaja dari setiap negeri yang AKAN berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.
- Pakej 2:** RM400.00 seorang – Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.
- Pakej 3:** RM150.00 seorang – Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti akan disediakan. Penginapan TIDAK disediakan oleh negeri penganjur.
- Hospitaliti yang disediakan mengandungi 1 kali makan tengahari dan 3 kali minuman ringan. Penginapan akan disediakan adalah untuk malam sebelum hari kursus dan juga pada malam hari kursus.
- 21.9. Negeri Pengelola adalah bertanggungjawab dalam urusan pengelolaan Kursus NU dan akan membiayai perbelanjaan bagi perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam mesyuarat TTAM seperti berikut:
- 21.9.1. TURC TTAM akan melantik Pensyarah dan juga menapis calon-calon untuk kursus dan peperiksaan. **Negeri Pengelola** hendaklah bertanggungjawab bagi:
- 21.9.1.1. Perjalanan Pensyarah, sama ada:
- 21.9.1.1.1. Setara dengan kelas 2 tambang keretapi + tambang teksi dari rumah ke stesyen dan balik + tambang teksi dari stesyen ke hotel dan balik, **atau**
 - 21.9.1.1.2. Hitungan kilometer sebanyak 50 sen sekilometer + tol (sehingga maksimum 500 km pergi dan balik), **atau**
 - 21.9.1.1.3. Tiket penerbangan ekonomi (hanya jika jumlah jarak yang dilalui dan berulang alik adalah > 500km) + tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang dan balik + tambang teksi dari lapangan terbang ke hotel dan balik yang mana ia terpulang kepada budi bicara Pensyarah.
- 21.9.1.2. Hospitaliti Pensyarah (termasuk sebaik-baiknya satu bilik hotel single room)

- 21.9.1.3. Penginapan peserta dari malam sebelum permulaan kursus hingga petang hari terakhir kursus / peperiksaan (iaitu 2 malam)
- 21.9.1.4. Bilik latihan dan kemudahan
- 21.9.1.5. Percetakan dan penjilidan ('binding') nota-nota kursus
- 21.9.1.6. Hidangan ringan pada kedua-dua hari dan makan tengah hari pada hari pertama kursus.
- 21.9.2. **TTAM** hendaklah bertanggungjawab untuk elaun Pensyarah seperti berikut:
 - 21.9.2.1. Elaun tugas pada kadar RM30.00 sejam, **dan**
 - 21.9.2.2. Elaun Harian sebanyak RM50.00 sehari.

22. Referi & Timbalan Referi:

Berikut adalah syarat-syarat yang dinyatakan di dalam "Directive On Selection Of Referees (including Deputy Referees)" dan keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 25 Januari 2014.

- 22.1. Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; Berdaftar dengan TURC.
- 22.2. Timbalan Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; berdaftar dengan TURC.
- 22.3. Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh pertandingan, negeri penganjur hendaklah meminta TURC melantik referi dan timbalan-timbalan referi. Negeri penganjur boleh, jika ia mahu, mencadangkan pencalonan kepada TURC.
- 22.4. Di mana referi/timbalan referi yang dilantik bukan dari negeri di mana pertandingan itu sedang dijalankan, pihak penganjur hendaklah:
 - 22.4.1. Menyediakan hospitaliti untuk pegawai itu
 - 22.4.2. Menempatkan referi di satu bilik (single room)
 - 22.4.3. Menempatkan timbalan referi di bilik berkembar perkongsian (2 x katil single)
 - 22.4.4. Membayar balik kepada pegawai kos perjalanan mereka
- 22.5. Hospitaliti untuk referi: dari makan malam dua hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.6. Hospitaliti untuk timbalan referi: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.7. Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak penganjur mesti sediakan.

23. Ujian Kawalan Raket (Racket Control):

Ujian Kawalan Raket akan dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan prosidur seperti yang ditetapkan oleh ITTF dan TTAM.


24. Perkara Am:

Jika terdapat sebarang masalah atau kerumitan yang tidak diperuntukan dalam peraturan- peraturan Pertandingan Kejohanan ini, Jawatankuasa Teknikal Persatuan Ping Pong Malaysia akan memutuskannya dan keputusannya adalah muktamad.


**JAWATANKUASA TEKNIKAL
PERSATUAN PING PONG MALAYSIA**

Cara Pertandingan Pusingan Kedua Bagi Acara Berpasukan

4 Kumpulan



3 Kumpulan



2 Kumpulan

